

**DAP gesa Muhyiddin henti guna kaum Cina, Kristian 'kambing hitam' selamatkan Umno**  
**The Malaysian Insider**  
**30 November , 2011**  
**Oleh G. Manimaran**

KUALA LUMPUR, 30 Nov — Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan harus berhenti daripada menggunakan kaum Cina dan penganut Kristian sebagai modal untuk mencetuskan permusuhan rakyat dan menyelamatkan hayat politik parti itu, kata Lim Guan Eng hari ini.

Setiausaha Agung DAP ini menegaskan kedua-dua pemimpin kanan parti teras Barisan Nasional (BN) itu sedang bermain dengan api, dengan memangsakan kaum-kaum minoriti Malaysia sebagai ancaman untuk menakutkan orang Melayu supaya kembali ke pangkuan Umno.

“(Timbalan Presiden Umno) Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menggunakan isu perkauman untuk meniup semangat ahli-ahli Umno untuk mempertahankan bangsa, budaya dan institusi negara daripada Pakatan Rakyat di samping memfitnah DAP sebagai anti-Islam dan anti-Melayu.

Sehubungan itu Lim (gambar) menegaskan, DAP mencabar Muhyiddin untuk membuktikan siri dakwaannya, dalam ucapannya malam tadi, bahawa agenda DAP adalah untuk membentuk sebuah negara republik.

“Ini adalah hasutan dan penipuan semata-mata!” kata beliau dalam satu kenyataan merujuk kepada ucapan perasmian Muhyiddin pada Persidangan Agung Tahunan Pemuda, Puteri dan Wanita Umno semalam.

Ahmad yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri melahirkan nada yang sama ketika berucap pada satu forum di PWTC, beberapa jam sebelum ucapan Muhyiddin.

Dalam majlis perasmian serentak, Muhyiddin selaku Timbalan Perdana Menteri mengambil satu pertiga masa untuk mengecam DAP dan dua rakannya dalam Pakatan Rakyat.

Oleh itu, Lim menyoal, “adakah Muhyiddin dan Umno sudah ketandusan idea sampai apa-apa skandal kerajaan yang dibongkarkan DAP akan dianggap sebagai serangan terhadap kaum Melayu?”

“Bukankah wang awam yang terbabit dalam skandal-skandal kewangan itu kepunyaan orang Melayu juga? Adakah cukup dengan pendekatan Muhyiddin yang mengaku dirinya Melayu dahulu dan rakyat Malaysia kemudian, sampai prinsip-prinsip demokrasi, integriti, amanah dan ketelusan semuanya boleh diabaikan begitu sahaja?” katanya.

Pun begitu, kata Lim, DAP percaya bahawa majoriti rakyat Malaysia sama ada Melayu atau bukan Melayu akan menolak hujah yang mewajarkan penipuan dan skandal kewangan atas nama perkauman, seperti dalam skandal lembu dan kondominium mewah seorang Menteri Umno ataupun pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2010 tentang berlebihan belanja oleh jabatan-jabatan kerajaan sebanyak RM3.7 bilion.

"DAP tidak pernah mengambil pendirian anti-Melayu atau anti-Islam. Kenaikan berkali-kali ganda peruntukan untuk hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang serta penerusan peruntukan untuk sekolah-sekolah agama yang telah ditamatkan oleh Umno menjadi bukti bahawa DAP menghormati Islam dan adil kepada semua. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak pernah mengusir walaupun sebuah rumah kampung Melayu.

"Satu-satunya rumah kampung Melayu yang pernah dirobuhkan di Pulau Pinang telah diroboh oleh pemaju-kaitan-Umno yang dipengerusikan seorang bekas Adun Umno," kata Lim yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang.

Lim menambah, mungkin menjadi strategi politik yang berkesan bagi Umno untuk mengambil pendirian anti-Cina, anti-India atau anti-Kristian, tetapi hanya parti yang ingin membunuh diri sahaja yang akan mengambil pendirian anti-Melayu atau anti-Islam.

"DAP tidak ingin membunuh diri tetapi komited ke arah perdamaian kebangsaan dan kerjasama antara semua," kata Lim sambil menyoal di manakah pendekatan sederhana yang dijanjikan konsep 1 Malaysia Perdana Menteri, apabila Ketua Penerangan Umno sendiri boleh mengugut Melayu dengan mengatakan bahawa mereka akan kehilangan hak kerana kononnya masyarakat Cina makin bertambah kuasa dari segi politik dan ekonomi, atau dengan mengatakan bahawa "DAP tidak menghormati institusi raja kerana enggan menerima pingat atau darjah kebesaran yang membawa gelaran-gelaran seperti Datuk?"

"Pemimpin-pemimpin DAP tidak pernah mengejar gelaran-gelaran seperti Datuk, bukan macam pemimpin-pemimpin BN yang terhegeh-hegeh mengejarnya.

"Adakah ini bermakna kami tidak menghormati institusi Raja? Jika begitu, adakah bekas timbalan Perdana menteri Tun Ghafar Baba juga seorang yang tidak menghormati institusi raja kerana Allahyarham juga enggan menerima apa-apa gelaran semasa aktif berpolitik?" katanya.

Tambahan pula, kata beliau, bagaimana masyarakat Cina boleh bertambah kuasa dari segi politik dan ekonomi apabila bilangan penjawat awam yang berbangsa Cina makin menurun.

"Di samping itu, masyarakat Cina sudah tidak lagi menguasai sektor-sektor ekonomi seperti perbankan, insurans, industri automobil, pembinaan, komunikasi dan pengangkutan," katanya.

Lim menambah, Ahmad juga telah menyindir DAP sebagai "ejen Kristian" kerana Ronnie Liu, Xavier, Elizabeth, Teresa Kok merupakan Exco Kerajaan Negeri Selangor.

"Setelah disiasat berulang kali, pihak berkuasa sudah pun mengakui bahawa tidak ada berlaku sebarang penyebaran agama Kristian oleh DAP.

"Adakah seseorang itu tidak berlayak untuk menjadi ahli Exco kerana beliau itu seorang penganut Kristian? Tambahan pula, Ronnie Liu bukan seorang penganut Kristian," katanta.

Lim juga berkata tindakan Ahmad untuk mensasarkan kaum Cina dan penganut Kristian sebagai ancaman kepada orang Melayu adalah perbuatan yang tidak berbeza dengan taktik ketakutan yang digunakan oleh Hitler pada zaman Nazi di negara Jerman untuk mengekalkan kuasa mutlaknya sebagai diktator.

"Iklim ketakutan, permusuhan dan kebencian yang digalakkan Umno bukan sahaja bertentangan dengan 1 Malaysia, malah membinasa perpaduan negara dan keharmonian

kaum. Kita semua tahu kerosakan yang telah dibawa oleh Hitler kepada negara Jerman.

“Oleh itu, rakyat Malaysia hendaklah bersatu dalam pilihan raya umum yang akan datang untuk menghalang Umno daripada melakukan kerosakan yang sama kepada negara Malaysia,” katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gesa-umno-henti-guna-isu-cina-kristian-kambing-hitam/>